

Headline	Permintaan tinggi dorong tubuh plot herba		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	23 Nov 2017	Color	Full Color
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	8	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	908 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,653
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 13,959



Permintaan tinggi dorong tubuh plot herba

MENYEDARI keperluan dan permintaan tinggi terhadap bahan mentah serta produk berasaskan herba di negara ini, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dengan kerjasama Persatuan Peniaga Kecil Kampung Sagil (PPKS) dan pendu-duk kampung telah menubuhkan Plot Model Kampung Herba di Kampung Sagil di sini.

Ketua Pengarah FRIM Datuk Dr Abd Latiff Mohmod berkata trend permintaan terhadap produk berasaskan herba kian meningkat seperti yang dibuktikan dalam kajian yang menyatakan bahawa permintaan terhadap bahan mentah herba adalah kira-kira 500 tan setahun sedangkan nilai penawaran hanyalah dalam lingkungan 80 tan.

"Kajian FRIM pada 2016 menunjukkan 73 peratus pengguna di Semenanjung Malaysia menggunakan produk berasaskan herba seperti wangian, makanan ke-sihatan, kosmetik dan 'toiletries'.

"Ini secara langsung membuktikan trend permintaan terhadap produk berasaskan herba semakin meningkat dari hari ke hari," katanya ketika berucap pada majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MOU) dengan PPKS baru-baru ini.

TIDAK BOLEH BERGANTUNG

Selain bertujuan merakyatkan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D), penubuhan plot itu antara lain diharap dapat dijadikan sebagai Plot Rujukan Penanaman Herba bagi penduduk kampung berkenaan, penyelidik FRIM dan pelajar universiti di samping memperkasa ekonomi penduduk setempat.

Ia pada masa sama memba-wa harapan agar dapat 'memodenkan' pemahaman tradisi masya-rakat terhadap tumbuhan herba ke arah pengkomersialan.

"Negara tidak boleh terus bergantung kepada bekalan dari hutan semulajadi yang tidak mapan. Kajian terkini FRIM pada 2017 menunjukkan 83 peratus bekalan bahan mentah herba Kacip Fatimah diperolehi dari hutan semulajadi manakala

hanya 17 peratus diperolehi dari perladangan.

"Justeru, aktiviti perladangan mempunyai potensi bagi menghasilkan bekalan bahan mentah yang bernilai komersial sekiranya diterokai dan diuruskan dengan baik. Penghasilan bahan mentah herba yang berterusan juga mampu menurunkan nilai import herba dari luar negara terutama 87 peratus yang diimport dari China," katanya.

Nilai dagangan herba pada 2016 menunjukkan eksport adalah kurang daripada USD10 juta manakala nilai import adalah melebihi USD70 juta.

Untuk itu, beliau berharap agar plot berkenaan akan menjadi titik permulaan bagi penduduk kampung mengembangkan tanaman herba secara perladangan.

"Ia diharap mampu dijaga dan diselenggara dengan kerjasama kedua-dua pihak sebagai aset hidup bernilai tinggi dan berpotensi besar dijadikan komoditi baharu negara pada masa akan datang.

"Di samping mengangkat nama peniaga-peniaga kecil yang terdapat di kampung ini, mereka juga boleh bersaing dalam melonjakkan hasil jualan ke peringkat lebih tinggi," katanya.

MENGAPA SAGIL?

Menjawab pertanyaan mengapa kampung berkenaan menjadi pilihan, Abd Latiff berkata kerjasama antara FRIM dan penduduk Kampung Sagil sebenarnya telah bermula sejak tahun lepas melalui aktiviti penanaman Kacip Fatimah di bawah projek MOSTI Innovation Fund (MSI).

Ia kini diteruskan dengan aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan penubuhan plot berkenaan sekaligus menjadikan kampung itu sebagai 'rumah kedua' FRIM yang sememangnya terkenal dengan penyelidikan tanaman dan hutan.

Spesies herba terpilih yang akan ditanam di plot berkenaan termasuklah murunggai (Morinda oleifera), cucur atap (Baeckea frutescens), senduduk putih (Melastoma decemfidum), bela-



CETUS SEMANGAT ... Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk IR Dr Hamim Samuri berucap pada majlis pelancaran Plot Model Kampung Herba di Kampung Sagil baru-baru ini.

lai gajah (Clinacanthus nutans), mengkudu (Morinda citrifolia), hempedu bumi (Andrographis paniculata), misai kucing (Orthosiphon stamineus), sambung nyawa (Gynura procumbens) dan pecah beling (Strobilanthes crispus).

Mengikut masyarakat Melayu dahulu setiap spesies berkenaan dikatakan mempunyai kelebihan dan manfaat tersendiri terutama dalam membantu mengubati penyakit tertentu dan masalah kesihatan.

Herba pecah beling sebagai contoh dipercayai dapat mengubati penyakit diabetes, masalah ginjal dan melawaskan kencing selain daunnya boleh dijadikan teh dalam membantu meningkatkan pembuangan air kecil, melancarkan pembuangan air besar, meredakan perut kembung dan meningkatkan peredaran darah.

Khasiat senduduk putih pula berguna dalam merawat luka luaran dan dalaman selain pucuknya boleh dimakan bagi merawat gangguan kemurungan selepas bersalin.

Tidak kurang juga herba hempedu bumi yang boleh digunakan sebagai ubat darah tinggi, kencing manis, antiradang, antibakteria, antivirus, melegakan demam selain membantu dalam sistem pencernaan dan mempercepatkan pembekuan darah.

"Kampung Sagil mampu menjadi sebagai pembekal herba terbesar Malaysia. Jika diusahakan sebaiknya, dalam tempoh 10

hingga 100 tahun akan datang tidak mustahil tanaman dan produk herba akan menjadi budaya, entiti dan jenama baharu Kampung Sagil dan negeri Johor amnya," tambah Abd Latiff.

PENGELUAR HERBA

Sementara itu, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk IR Dr Hamim Samuri yang turut hadir menyaksikan majlis pemeteraian MOU antara FRIM dan PPKS berkata intipati projek berkenaan adalah sebahagian daripada pendekatan melalui inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

"Projek ini, nilainya besar dan secara kebetulan Kampung Sagil terpilih. Jika kita boleh bekerjasama kita boleh menjadi satu daripada pusat pengeluaran herba berskala besar yang boleh dieksport ke luar negara dan tidak mustahil pada masa akan datang kita boleh jadi hub melalui kerjasama keras dan bersungguh.

"Ini juga sebagai permulaan di mana FRIM, PPKS dan penduduk kampung akan bekerjasama dan jika semua berjalan lancar, ia juga akan menjadi sumber pendapatan penduduk termasuklah melalui kaedah tanaman secara integrasi melalui nasihat daripada FRIM," katanya merujuk kepada benih Kacip Fatimah sebelum ini yang ditanam penduduk kampung di kebun masing-masing di celah-celah atau di bawah pokok kelapa sa-

Headline	Permintaan tinggi dorong tubuh plot herba		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	23 Nov 2017	Color	Full Color
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	8	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	908 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,653
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 13,959



MODEL ... Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk IR Dr Hamim Samuri (tiga, kanan) menanam pokok herba selepas pelancaran Plot Model Kampung Herba di Kampung Sagil baru-baru ini.

wit atau pokok lain, tidak terhad di tapak semaian semata-mata.

Hamim yang juga Ahli Parlimen Ledang turut menyempurnakan acara perasmian Plot Model Kampung Herba seluas 0.7 hektar itu yang juga bakal menjadi tapak kajian jangka panjang milik FRIM untuk menjalankan penyelidikan berkaitan herba terpilih.

"Jika penduduk Kampung Sagil boleh sambut perkara ini sebagai peluang besar dan dimanfaatkan, ramai yang boleh buat duit dengan syarat pertamanya perlu komited dan berjaya besar.

"Orang Sagil jangan lepaskan peluang ini sebab pertama boleh eksport kerana syarikat yang nak beli memang dah ada. Kedua, plot ini juga akan jadi taman herba yang unik kerana bila orang datang ke Kampung Sagil, mereka mesti mahu melawat dan melihat sendiri," katanya sambil menambah penubuhan plot berkenaan juga secara langsung boleh menggalakkan aktiviti ekonomi seperti pengusaha inap desa dan industri kecil dan sederhana (IKS) kampung ini.

TAPAK WARISAN SEMULAJADI

FRIM merupakan sebuah institusi yang terkenal dalam

penyelidikan perhutanan tropika di dunia.

Terletak di kawasan seluas 545 hektar bersebelahan dengan Hutan Simpan Bukit Lagong di perbandaran Kepong, kira-kira 16km barat laut dari Kuala Lumpur, ia diterajui Abd Latif sejak 2009 dan telah dianugerahkan pensijilan MS ISO 9001:2008 mulai 2010.

Institut ini diwartakan sebagai Tapak Warisan Semula Jadi pada 10 Feb, 2009 di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 dan diisytiharkan sebagai Warisan Kebangsaan di bawah akta sama pada 10 Mei, 2012.

Antara bidang penyelidikan FRIM ialah perhutanan dan alam sekitar, bioteknologi perhutanan, keluaran hutan, biodiversiti hutan, hasilan semulajadi, ekonomi dan analisis strategik.

Hasil penyelidikan FRIM diterbitkan dalam jurnal-jurnal sains yang disemak atau diulas oleh rakan saintis lain dan dikongsi dengan agensi kerajaan berkaitan yang terlibat dalam pengawalan dan pengurusan hutan serta industri perhutanan.

Antara anugerah penyelidikan yang telah diraih termasuklah Anugerah Nikkei Asia untuk sumbangan terhadap perlindungan alam sekitar di rantau ini dan Anugerah Sains Mahathir sebagai pengiktirafan sumbangannya kepada penyelidikan

dan pembangunan industri getah Malaysia pada 2009.

FRIM juga telah memenangi Anugerah Buku Negara (2010, 2012, 2013 dan 2016), Anugerah BrandLaureate (2010, 2011 dan 2012) bagi Jenama Terbaik dalam Perhutanan dan Pemuliharaan Alam Sekitar, Anugerah Socrates Antarabangsa untuk Best Enterprise (Penyelidikan Gunaan & Pencapaian Saintifik (2011).

FRIM turut meraih Anugerah Inovasi Negara 2013 (Kategori Produk) dan Anugerah Harta Intelek Negara 2014 (Kategori Paten) untuk sistem rawatan kayu melalui Pengerian Suhu Tinggi.

Pada 2014 FRIM diiktiraf sebagai Pusat Pengesahihan Herba oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan pada Oktober 2016 FRIM telah menerima tiga lagi rekod baharu daripada Malaysia Book of Records (MBOR) menjadikannya pemegang 24 rekod dalam MBOR.

Pangkalan data Malaysia Biological Diversity Clearing House Mechanism yang dibangunkan FRIM juga telah menerima Anugerah Emas di Persidangan ke-13 negara-negara anggota kepada Konvensyen Kepelbagaian Biologi di Cancun, Mexico pada Disember 2016.

— Bernama